

NOTIS



PEMBERITAHUAN

Kepada Semua Pemegang Unit Sekim Amanah Saham Nasional (ASN)

Mulai **6 April 2015**, ASNB telah menaik taraf sistem urus niaga yang melibatkan unit ASN.

Proses menaik taraf sistem ini melibatkan:

NOMBOR AKAUN BAHARU

Nombor akaun para pelabur akan bertukar dari 9 ke 12 digit.

PENUKARAN BUKU PELABURAN BAHARU

Penukaran ini boleh dilaksanakan **pada bila-bila masa** selepas tarikh sistem ASNB dinaik taraf.

Semasa penukaran Buku Pelaburan, para pelabur perlu membawa:

- Dokumen Pengenalan Diri.
- Buku Pelaburan Lama (jika ada).
- Buku Bank atau Penyata Bank terkini untuk mengemas kini maklumat bank bagi pembayaran secara elektronik, sekiranya perlu.

* Penukaran Buku Pelaburan ini hanya melibatkan pelaburan melalui Buku Pelaburan sahaja. Bagi pemegang-pemegang unit yang memiliki Sijil Pelaburan ASN sedia ada yang berstatus normal, sijil tersebut tidak perlu ditukar.

SEMAKAN BUTIRAN PERIBADI

Pastikan butiran iaitu **Nama, No. Kad Pengenalan, Alamat & Baki Unit** adalah betul dan tepat dicetak di dalam Buku Pelaburan baharu sebelum meninggalkan kaunter.

Jika didapati butiran peribadi tidak tepat, sila lengkapkan Borang Kemaskini Maklumat Pemegang Unit (ASNB KM). Ia boleh didapati di Cawangan-cawangan ASNB dan Ejen-ejen (Maybank, CIMB, RHB, Pos Malaysia) berhampiran untuk proses pengemaskinian.

ASNB ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memilih unit-unit amanah ASNB sebagai instrumen pelaburan anda.

Prospektus Induk bagi tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun 2014, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan boleh diperolehi di pejabat ASNB dan ejennya. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran seperti yang terdapat di dalam prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila baca dan fahami kandungan prospektus tersebut. Jumlah keseluruhan pulangan pelaburan mungkin turun atau naik. Pelaburan dalam unit amanah adalah tertakluk kepada risiko pengurusan dana, risiko inflasi dan risiko kuasabeli. Prestasi masa lalu tabung unit amanah ASNB bukanlah jaminan prestasi masa hadapan. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran dan bayaran yang dikenakan.

Pelabur yang ingin mengetahui maklumat penting mana-mana tabung unit amanah ASNB boleh mendapatkan Halaman Serlahan Produk yang telah dikeluarkan oleh ASNB di pejabat ASNB dan ejennya.

Imbas di sini



Maklumat Penting:

Sila maklum, selaras dengan penguatkuasaan Akta Pelindungan Data Peribadi 2010, kemaskini buku pelaburan hanya dibenarkan kepada pemegang unit/penjaga berdaftar sahaja. Bagi pengemaskinian buku pelaburan untuk pihak ketiga, pemegang unit/penjaga berdaftar perlu mengemukakan surat kebenaran dari pemegang unit/penjaga berdaftar atau melengkapkan Borang Kebenaran Wakil yang boleh didapati di kaunter-kaunter cawangan ASNB atau dimuat turun melalui www.asnb.com.my